

Padang rumput tiruan di UMS antara terbaik di negara ini

GL Oh DE . 14.9.2016 8

KOTA KINABALU: Padang bola sepak rumput tiruan yang baharu di Universiti Malaysia Sabah (UMS) dipuji sebagai salah satu daripada yang terbaik di negara ini oleh FIFA.

Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr Mohd Harun Abdullah mendedahkan perkara ini pada Selasa susulan pemeriksaan oleh wakil FIFA, Anthony Apparailly baru-baru ini.

"Ia menjadi kebanggaan UMS dengan pengiktirafan daripada badan dunia itu, dengan kemudahan yang tersedia diiktiraf oleh FIFA," katanya.

Menurut Anthony, rumput Greenfield dari Holland itu adalah sesuai untuk latihan pasukan kebangsaan serta kegunaan pertandingan dan beliau turut mengulas tentang pagar setinggi lapan kaki yang dibina dan empat pam air untuk kegunaan pada rumput apabila suhu meningkat.

Sementara itu, perlawanan persahabatan yang diadakan selepas pemeriksaan itu dimenangi 3-2 oleh pengurusan atasan UMS menentang pejabat pentadbiran.